

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HKB 111 - Karya-Karya Besar Dari Kesusasteraan Asia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4]. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A – Jawab DUA [2] soalan

1. Menurut pandangan Lu Xun masyarakat Cina sezamannya merupakan masyarakat “orang makan orang”. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang relevan, tunjukkan bahawa visi pesimistik itu juga mewarnai cerpen beliau yang bertajuk “Riwayat Asli si Ah Q”.
2. Watak wanita muda si Kieu dan Jeneral Du Hai boleh dipandang sebagai mewakili pilihan antara dua opsyen tentang sikap hidup yang pernah benar-benar dihadapi oleh pengarang *The Tale of Kieu* dalam kehidupannya sendiri. Buktikan bagaimana pernyataan ini boleh diterima sebagai benar.
3. Cerpen Boonlue yang bertajuk “The Enchanting Cooking Spoon” antara lain berkisar di sekitar masalah bahawa komunikasi antara suami dan isteri seringkali tidak berjalan dengan baik. Bincangkan bagaimana persoalan ini ditampilkan dan sejauh manakah cerpenis berjaya mendedahkan psikologi watak-watak.
4. Novel *Maharajalelanya Keserakahan* karangan Jose Rizal merupakan hujah untuk mengasimilasikan Filipina dengan Sepanyol, walaupun di dalamnya juga dibayangkan keperluan bagi masyarakat pribumi untuk melakukan revolusi. Bincangkan pandangan ini berdasarkan plot dan perwatakan dalam novel tersebut.

..12-

BAHAGIAN B – Jawab **DUA** [2] soalan

5. Dalam sebuah wawancara Pramoedya Ananta Toer pernah berkata bahawa realiti sebenarnya merupakan “sungai di hulu” sedangkan realiti di dalam novel-novelnya merupakan “sungai di hilir”. Jelaskan pernyataan beliau ini dan buktikan kebenarannya dengan merujuk kepada novel *Bumi Manusia*.
6. Dengan merujuk kepada *Layla Majnun* oleh Nizami, bincangkan sama ada persoalan cinta di dalam karya ini menampilkan persoalan cinta yang bersifat duniawi atau kerohanian, atau kedua-duanya.
7. Huraikan secara kritis mengapa *Kanadehon Chushingura*, sebuah karya zaman silam dapat berkekalan dalam tradisi sastera Jepun sehingga kini.
8. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang tepat daripada karya termashyur Rabindranath Tagore iaitu *Gitanjali*, bincangkan pandangan pengarang tersebut tentang (a) alam semulajadi (b) kanak-kanak, dan (c) perhubungan manusia dengan Tuhan.

- oooOOOooo -